

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH SOALAN : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilakukan untuk membantu usahawan belia di Sarawak. Senaraikan kesemua skim dan bantuan yang ada untuk membantu mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) kini sedang menumpukan usaha untuk meningkatkan jumlah usahawan belia di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

2. Antara program khusus yang disediakan untuk membantu golongan belia melalui MED dan agensi di bawahnya adalah seperti:

- (i) **Program Pembangunan Usahawan Siswazah** oleh TEKUN;
- (ii) **Program Agropreneur Muda** oleh TEKUN;
- (iii) Program **PROTÉGÉ Ready to Work, PROTÉGÉ Booster, PROTÉGÉ Uni-Preneur, PROTÉGÉ Business Accelerator dan PROTÉGÉ Reach Out** oleh Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ);
- (iv) **Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0** oleh SME Corp.;
- (v) **Pembiayaan Mikro-i** oleh Bank Rakyat; dan
- (vi) **Kursus keusahawanan jangka pendek dan program “mentoring/coaching”** oleh INSKEN seperti:
 - INSKEN Business Coaching: Cafe/Restaurant@Sarawak;
 - INSKEN Business Coaching: Homestay@Sarawak;
 - INSKEN Business Coaching: SPA@Sarawak; dan
 - INSKEN Business Coaching: Postnatal@Sarawak; serta
- (vii) **Geran Bantuan Pembangunan Koperasi dan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan** oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

3. Selain itu, **Program Inovasi Usahawan Muda SME Bank Y-Biz Challenge** dan **SME Bank 90-Days Biz Challenge** turut disediakan oleh **SME Bank** khas untuk usahawan yang masih menuntut. Sejak diperkenalkan, seramai 64 pelajar dari 16 buah sekolah di Sarawak telah terlibat dengan Program Inovasi Usahawan Muda SME Bank Y-Biz Challenge manakala 116 pelajar dari 21 buah kolej telah terlibat dengan SME Bank 90-Days Biz Challenge.

4. Kementerian juga telah mewujudkan **Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)** yang menyasarkan penglibatan golongan belia, warga emas, ibu tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) melalui galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi. Program ini telah dijalankan secara rintis di Terengganu bagi tahun 2019 dan Kementerian sedang meneliti pelaksanaan program ini ke negeri-negeri lain termasuk di Sarawak.

Sekian, terima kasih.